

14/10/1999

Parlimen bubar selepas pengumuman Belanjawan?

Jamhariah Jaafar

PERTANYAAN paling popular di kalangan rakyat sekarang ialah bila pilihan raya akan diadakan. Apa yang pasti, pelbagai jawapan diterima - masing-masing membuat spekulasi, lengkap dengan alasan yang agak munasabah dan layak diterima.

Malah, pertanyaan yang sama turut dikemukakan kepada beberapa pemimpin negara dan mereka juga menggaru kepala kerana tidak dapat memberikan tarikh yang tepat bila Parlimen dan Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan.

Walaupun kerajaan Barisan Nasional (BN) mempunyai tempoh untuk menguruskan negara ini sehingga Jun tahun depan, suasana politik hari ini menggambarkan pilihan raya akan diadakan pada bila-bila masa.

Ramai yang beranggapan bahawa dengan Umno mengisytiharkan kempen besar-besaran untuk memerangi pelbagai tohmahan pembangkang Sabtu lalu, isyaratnya adalah jelas bahawa ia akan diadakan pada bila-bila masa sekarang, tetapi tarikh sebenar masih menjadi tanda tanya.

"Isyaratnya begitu jelas dan apa yang hampir pasti, pilihan raya akan diadakan bulan depan. Saya menjangkakan Perdana Menteri akan membubarkan Parlimen sebelum tarikh beliau membentangkan Belanjawan di Parlimen dan tarikh pilihan raya mungkin 12 atau 14 November kerana tarikh 13 November tidak begitu sesuai," kata seorang timbalan menteri.

Seorang pemimpin muda yang bekerja keras bagi memastikan Pemuda Umno bergerak dengan lebih agresif pada peringkat akar umbi pula meramalkan Dr Mahathir akan membubarkan Parlimen selepas membentangkan Belanjawan 2000 di Parlimen.

Ketua pembangkang, Lim Kit Siang pula dikatakan meramal tarikh pilihan raya pada 13 November ini, dengan alasan setiap keputusan yang dicapai pada sidang Parlimen yang akan bermula pada 18 Oktober ini tidak akan sah sekiranya pembubaran dibuat ketika Dewan sedang bersidang.

Tetapi pembangkang memang sudah membuat ramalan tarikh pilihan raya sejak beberapa bulan lalu lagi. Daripada ramalan ia akan diadakan selepas Perdana Menteri kembali dari lawatan ke China bulan lalu, sehinggalah selepas beliau menamatkan pusingan pertama jelajah negara baru-baru ini.

Seperti kata Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, Dr Mahathir adalah seorang yang amat berahsia. "Biarpun dalam keadaan paling relaks dan kita cuba bertanya soalan seperti itu, beliau hanya tersenyum. Cukup sukar mengetahui apa yang difikirkannya.

"Pernah sewaktu Dr Mahathir menulis sendiri senarai menteri yang terbabit dalam rombakan Kabinet, tidak diserahkan kepada sesiapa untuk menaipnya kerana jika diserahkan saja sudah tentu rahsia senarai itu akan tersebar pantas," katanya.

Ternyata Perdana Menteri enggan menyatakannya. Pertanyaan pemberita mengenai ramalan pembangkang bahawa Parlimen akan dibubarkan pada bila-bila masa, dijawab dengan sindiran, "Biarlah mereka yang bubarkan."

Malah, ketika ditanya sama ada Umno sudah memuktamadkan senarai calon, beliau tergelak dan berkata: "Masih ada `can' (peluang) untuk menjadi calon."

Tetapi sumber Parlimen meramalkan Dewan Rakyat akan dibubarkan selepas Belanjawan 2000 dibentangkan, berikutan tarikh pembentangannya pada Jumaat, 29 Oktober, diluluskan sendiri oleh Kabinet.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tun Mohamed Zahir Ismail, ketika mengulas mengenai perkara ini berkata Parlimen boleh dibubarkan bila-bila masa biarpun ketika Belanjawan 2000 sedang dibahas di Parlimen.

Beliau berkata, sekiranya Parlimen dibubarkan sebelum Belanjawan diluluskan, ia perlu dibentang semula seolah-olah tidak pernah dibentang sebelum ini kerana keanggotaan Dewan Rakyat selepas pilihan raya sudah pasti berubah.

Katanya, prosedur yang sama terpakai kepada semua rang undang-undang yang belum diluluskan ketika Parlimen dibubarkan.

Berikutan ketidaktentuan tarikh pilihan raya ini, bekas hakim Mahkamah Agung, Tan Sri Harun Hashim pada Ogos lalu pernah mencadangkan supaya tarikh pilihan raya umum di negara ini ditetapkan pada suatu tarikh khusus melalui penguatkuasaan undang-undang.

Beliau berkata, langkah itu boleh mengelakkan spekulasi mengenai tarikh pilihan raya yang mungkin mencetuskan ketidaktentuan terutama dalam corak pelaburan dan ekonomi, dan ia juga adalah sejajar dengan perkembangan semasa.

Justeru, katanya, sistem yang memberi kuasa kepada Perdana Menteri menetapkan tarikh pilihan raya mengikut budi bicaranya perlu difikirkan semula.

Bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, walaupun berkata kerajaan bersedia memikirkan cara lebih baik untuk menetapkan tarikh pilihan raya umum, tetapi menegaskan cara yang diamalkan sejak Malaysia merdeka tidak pernah menyusahkan sesiapa pun.

Ternyata cara ini tidak menyusahkan sesiapa pun, sebaliknya ia mencipta suasana politik yang lebih menarik. Dengan Dr Mahathir yang terkenal dengan sikap yang suka memeranjatkan, beliau kini mencetus kehairahan luar biasa bagi seluruh rakyat Malaysia yang tidak sabar menunggu pilihan raya umum kali ini.

Apa yang pasti kejutan yang bakal dilakukan, ia tidak akan lari daripada keyakinan beliau bahawa Umno dan BN akan mencatat kejayaan di luar dugaan, dan kejayaan luar biasa Umno pada pilihan raya di Sabah baru-baru ini adalah antara isyarat kepada kejutan yang bakal dilakukannya dalam tempoh terdekat ini.

(END)